



KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

KELUARAN DALAM NEGERI KASAR (KDNK) PAHANG, 2025

Ekonomi Pahang terus berkembang, mencatatkan 3.2 peratus pada tahun 2025

PUTRAJAYA, 1 JULAI 2026 – Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) telah menerbitkan **KELUARAN DALAM NEGERI KASAR (KDNK) NEGERI PAHANG, 2025** yang memperinci penemuan sektoral dan komposisi ekonomi di peringkat negeri.

Menurut Ketua Perangkawan Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, "Ekonomi Pahang berkembang 3.2 peratus pada tahun 2025 dengan nilai KDNK mencecah RM71.0 bilion berbanding RM68.8 bilion pada tahun sebelumnya."

Dari aspek komposisi ekonomi Pahang pada tahun 2025, sektor Perkhidmatan mengungguli ekonomi negeri ini dengan mencatatkan sumbangan sebanyak 52.6 peratus diikuti oleh sektor Pertanian, 22.4 peratus dan Pembuatan, 20.8 peratus. Seterusnya pada tempoh yang sama, sektor Pembinaan menyumbang sebanyak 3.3 peratus manakala sektor Perlombongan & pengkuarian 0.8 peratus.

Sektor Perkhidmatan kekal menjadi penyumbang utama ekonomi negeri dengan kadar pertumbuhan sebanyak 5.0 peratus dipacu oleh pertumbuhan industri berkaitan pelancongan iaitu subsektor Perdagangan borong dan runcit, makanan & minuman dan penginapan sebanyak 5.8 peratus (2024: 5.4%). Penyumbang seterusnya ialah subsektor Perkhidmatan Kerajaan sebanyak 5.8 peratus (2024: 4.0%).

Sektor Pertanian Pahang mencatatkan peningkatan 2.7 peratus (2024: 9.3%) disumbangkan oleh pertumbuhan 3.0 peratus (2024: 13.4%) dalam subsektor Tanaman, terutamanya Kelapa sawit.

Sektor Pembuatan menyederhana 1.4 peratus pada tahun 2025 (2024: 3.5%) disumbangkan oleh Produk petroleum, kimia, getah & plastik yang bertumbuh lebih perlahan iaitu 1.1 peratus berbanding 2.7 peratus pada setahun lepas.

Sektor Pembinaan menguncup 5.3 peratus (2024: 8.6%) dipengaruhi oleh kemerosotan dalam subsektor Kejuruteraan awam sebanyak 28.3 peratus. Walau bagaimanapun, subsektor Pembinaan bangunan dan Aktiviti pembinaan pertukangan khas mencatatkan pertumbuhan dua digit, seterusnya mengurangkan impak kejatuhan sektor ini.


Beralih kepada prestasi KDNK per kapita, Pahang merekodkan peningkatan kepada RM52,014 pada tahun 2025 berbanding RM49,685 pada tahun sebelumnya.

Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) sedang melaksanakan **Banci Ekonomi 2026 (BE2026)** dengan tema “**Data Nadi Ekonomi Rakyat**”. Pelaksanaan Banci Ekonomi kali keenam ini berlangsung dari **5 Januari hingga 31 Oktober 2026**. BE2026 bertujuan untuk mengumpul data yang menyeluruh dan berstruktur daripada semua pertubuhan perniagaan berdaftar dan tidak berdaftar di Malaysia, bagi menilai prestasi, struktur serta ciri-ciri ekonomi negara secara komprehensif dan berasaskan bukti.

Malaysia buat julung kalinya telah menduduki **tangga pertama (1)** di peringkat global dalam laporan dwi-tahunan **Open Data Inventory (ODIN) 2024/25** yang dikeluarkan oleh Open Data Watch (ODW), mengatasi 197 negara lain. Pencapaian ini merupakan lonjakan ketara daripada kedudukan ke-67 dalam penilaian ODIN 2022/23.

OpenDOSM NextGen adalah medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.

Carta 1: KDNK Pahang, sumbangan dan pertumbuhan mengikut sektor, 2025



Dikeluarkan oleh:

PEJABAT KETUA PERANGKAWAN MALAYSIA
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
1 JULAI 2026



MINISTRY OF ECONOMY
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

MEDIA STATEMENT

PAHANG GROSS DOMESTIC PRODUCT (GDP), 2025

Pahang's economy continues to expand, registering 3.2 per cent in 2025

PUTRAJAYA, 1ST JULY 2026 – The Department of Statistics Malaysia (DOSM) released the **PAHANG GROSS DOMESTIC PRODUCT (GDP), 2025** which highlighted the insights of economic sectoral and structure at the state level.

According to the Chief Statistician Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, "The GDP of Pahang grew 3.2 per cent in 2025 with a value of RM71.0 billion, as compared to RM68.8 billion in the previous year."

In terms of its economy composition in 2025, the Services sector led the state's economy by recording a contribution of 52.6 per cent followed by the Agriculture sector of 22.4 per cent and Manufacturing of 20.8 per cent. Subsequently, in the same period, the Construction sector contributed 3.3 per cent, while the Mining & quarrying sector of 0.8 per cent.

The Services sector remains the main contributor to the state's economy with a growth rate of 5.0 per cent driven by the growth of tourism-related industries, namely the Wholesale and retail trade, food & beverage and accommodation subsectors of 5.8 per cent (2024: 5.4%). The next contributor is the Government Services subsector of 5.8 per cent (2024: 4.0%).

The Pahang's Agriculture sector recorded an increase of 2.7 per cent in 2025 (2024: 9.3%) contributed by the Crops subsector which slower to 3.0 per cent (2024: 13.4%), particularly Oil palm.

The Manufacturing sector moderated to 1.4 per cent in 2025 (2024: 3.5%) due to the Petroleum, chemical, rubber and plastic products which eased to 1.1 per cent from 2.7 per cent a year ago.

The Construction sector contracted by 5.3 per cent (2024: 8.6%), influenced by a downturn in the Civil engineering subsector of 28.3 per cent. However, the Building construction and Specialised construction activities subsectors recorded a double-digit growth, thereby mitigating the impact of the sector's decline.


In terms of GDP per capita performance, Pahang recorded an increase to RM52,014 in 2025 compared to RM49,685 in the previous year.

The Department of Statistics Malaysia (DOSM) is conducting the **Economic Census 2026 (BE2026)**, with themed “**Data Nadi Ekonomi Rakyat**”. The sixth Economic Census, will be carried out from **5th January to 31st October 2026**. BE2026 aims to collect comprehensive and structured data from all registered and unregistered business establishments in Malaysia to assess the nation’s economic performance, structure and characteristics in an evidence-based manner.

Malaysia has, for the first time, successfully secured the **top position** globally in the biennial **Open Data Inventory (ODIN) 2024/25** report released by Open Data Watch (ODW), surpassing 197 other countries. This achievement marks a significant leap from its 67th position in the ODIN 2022/23 assessment.

OpenDOSM NextGen is a medium that provides data catalogue and visualisations to facilitate users' analysis and can be accessed through <https://open.dosm.gov.my>.

Chart 1: Pahang's GDP, contribution and growth by sector, 2025



Released by:

**THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA
1 JULY 2026**